

36 dlm saringan silat anjuran Perwanit

-9 OCT 1979

Seni silat dlm temasya Sukan SEA dan Asia?

29 SEP 1979



PENCAK SILAT

USAHA-USAHA untuk menjadikan pencak silat sebagai salah satu acara yang dipertandingkan dalam temasya Sukan SEA dan Sukan Asia akan diperjuangkan.

Ini adalah salah satu rumusan Kongres Pencak Silat Antarabangsa, yang mengadakan sidangnya selama dua hari dan tamat di sini semalam.

Kongres yang disertai oleh Indonesia, Singapura, Malaysia dan Brunei itu berjalan begitu bernyawa, dengan masing-masing wakil melahirkan kegem-biraannya menerima peraturan dan undang-undang yang dibentangkan dalam Kongres itu.

Amerika Syarikat, Belanda, Amerika Selatan, Jerman Barat dan Surinam, juga telah mengirimi wakil-wakil mereka sebagai pemerhati dalam Kongres tersebut.

Dalam program jangka pendek, Kongres itu akan meneruskan kegiatan untuk saling mengenal seni pertahankan diri masing-masing negara dengan mengadakan

pangelasan, pertunjukan dan lain-lain lagi.

"Kami juga bersetuju untuk mengadakan lawatan muhibah antara pendekar dan pesilat terutamanya pemuda-pemudanya," kata Harsoyo, Setiausaha Agung Ikatan Pencak Silat Seluruh Indonesia.

Bagi kegiatan jangka panjangnya, Harsoyo menerangkan bahawa usaha membukukan istilah dasar guna yang diharapkan dapat menolong mengembangkan pencak silat.

Lain-lain keputusan yang dicapai dalam Kongres itu adalah seperti berikut:

Memperluas hubungan kegiatan antara negara yang telah mengenal pencak silat.

Memperjuangkan penyertaan pencak silat dalam temasya Sukan SEA dan juga Sukan Asia serta pertandingan antarabangsa lainnya.

Mengadakan badan penelitian dan pengembangan dan membukukan sejarah pencak silat Asia Tenggara.

SERAMAI 36 orang termasuk enam wanita dari empat buah balai rakyat, sedang menyertai saringan pertandingan silat antara balai yang dianjurkan oleh Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit) sekarang ini.

Mereka yang menyertai pertandingan silat untuk jenis Seni Gayung Perwanit ini mewakili balai-balai rakyat Toa Payoh, Kampong Eunos, Marine Parade dan Sennett.

Menurut setiausaha Perwanit, Encik Sarkawi Mohd. Som, peserta-peserta itu dibahagikan kepada empat bahagian — dewasa, remaja (berusia antara 16-21 tahun), kanak-kanak (bawah 16 tahun) dan wanita.

"Buat permulaan, kami hanya menjalankan pertandingan untuk satu jenis silat saja dan balai-balai

rakyat yang mengambil bahagian adalah merupakan balai yang mengajar seni silat dan bertindak sebagai cawangan kami.

"Oleh kerana bilangan penyertaan yang kurang, kami hanya akan mengadakan pertandingan perseorangan dan tidak dalam acara pasukan," katanya.

Enam wanita

Enam orang wanita yang menyertai pertandingan ini adalah mereka yang menjadi anggota di Balai Rakyat Sennett. Lain-lain balai rakyat tidak mengemukakan ahli-ahli silat wanita mereka.

Encik Sarkawi menerangkan bahawa ketika ini peringkat saringan ini sedang dilangsungkan di Jalan Penggaga setiap Khamis malam.

Pertandingan separuh akhir dijadualkan berlangsung di Balai Rakyat Toa Payoh pada 4 November, dan pertandingan akhir pada 25 November, mungkin di Dewan Badminton, Guillemard Road.

"Tempat pertandingan akhir ini belum lagi dapat kami sabkan. Ini bergantung kepada permohonan kami dengan pihak Dewan Badminton," kata Encik Sarkawi lagi.

Sementara itu, Perwanit akan menganjurkan satu seminar mengenai "Silat Dalam Pembangunan Masyarakat Singapura" pada 28 Oktober ini bertempat di dewan Jamiyah, Lorong 12, Geylang.

Peserta-peserta seminar ini ialah wakil-wakil dari Majlis Pusat, Majlis Ugama Islam Singapura, Persekutuan Silat Singapura, Asas 50 dan seorang guru dari silat Esha Setia Hati.

100 pesilat diduga sertai pertandingan

Pencak Silat

-5 OCT 1979

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) akan menganjurkan pertandingan seni silat kebangsaan secara besar-besaran pada Disember ini di Panggung Negara.

Kira-kira 100 orang pesilat dari 11 buah pertubuhan dijangka akan mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Sebanyak 13 jenis silat dijangka akan dipertandingkan.

Menggalakkan

Encik Johari Uriff, setiausaha agung Persisi menjelaskan bahawa pertandingan ini akan dijalankan selama dua malam dan oleh kerana sambutan dari badan-badan kerabat pada tahun-tahun yang lalu sangat menggalakkan, kami akan menganjurkan pertandingan ini dengan secara besar-besaran kali ini.

Oleh SUMADI SARKAWI

"Walaupun tidak ada penyertaan dari peserta-peserta seberanglaut, ini tidak bermakna bahawa pertandingan ini tidak mempunyai saingan hebat," kata Encik Johari.

Walaupun begitu, dia belum lagi dapat menentukan tarikh tetap pertandingan ini. Tarikh itu, katanya, akan diputuskan oleh jawatankuasa pentadbir persekutuan itu.

Di samping pertandingan untuk pasukan lelaki dan perseorangan lelaki, akan turut dipertandingkan dalam kejohanan itu ialah gelaran untuk kanak-kanak dan juga wanita.

Antara jenis-jenis silat yang akan dipertandingkan dalam kejohanan itu ialah seni

Gayung, Al haq, Cekak, Harimau, Kuntau Melaka, Seligi Tunggai, Kuningan dan sebagainya.

Encik Johari juga menyatakan bahawa rombongan dua orang pegawai dan lapan orang pesilat dari Persisi yang telah mengadakan pertunjukan di Jakarta ketika berlangsung Sukan Sea yang lalu, telah mendapat sambutan yang baik dan memuaskan.

Membincangkan

"Mereka telah berjaya menunjukkan kehandalan silat sebagai satu cabang sukan dalam pertunjukan-pertunjukan yang dijalankan oleh mereka dalam lawatan itu," katanya.

Persisi akan mengadakan mesyuaratnya pada Ahad ini di rumahnya untuk membincangkan berbagai perkara termasuk projek pembukuan seni silat serantau yang sedang diusahakannya itu.